

**SPKO-013**

## **PENGAMALAN ETIKA KERJA ISLAM: KAJIAN DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP)**

Qistina Balkis Binti Mohd Yusof

*Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK), Universiti Malaysia Pahang*  
[qistinabalkis92@gmail.com](mailto:qistinabalkis92@gmail.com)

Dr. Rashidi Bin Abbas

*Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK), Universiti Malaysia Pahang*  
[rashidi@ump.edu.my](mailto:rashidi@ump.edu.my)

### **ABSTRAK**

Etika kerja Islam adalah satu etika yang berlandaskan dari dua sumber utama iaitu al-Qur'an dan Sunnah. Sehubungan itu, melalui nilai –nilai yang wujud di dalam etika kerja Islam ini membentuk dan membina sebuah pengurusan dan organisasi yang efektif serta meningkatkan prestasi dan pencapaian sebuah organisasi. Justeru mendidik para pelajar supaya mengamalkan etika kerja yang digalakkan oleh pakar ilmu Islam serta suruhan dari Allah SWT. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti nilai Etika Kerja Islam yang diamalkan oleh pelajar serta mengukur tahap pengamalan nilai Etika kerja Islam dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP). Sampel yang diperlukan dalam kajian ini terdiri daripada daripada 30 orang pelajar di Universiti Malaysia Pahang (UMP), kampus Gambang dan mereka harus menjawab soal selidik yang mengandungi 40 item. Setiap soalan soal selidik ini mengandungi arahan soalan-soalan tertutup untuk dijawab oleh responden-responden yang terlibat dalam kajian ini. Semua maklumat dan data yang diperolehi akan diklasifikasikan mengikut aspek yang telah ditentukan dan dianalisis secara kuantitatif. Data dikumpulkan dan dianalisis menggunakan aplikasi SPSS Statistik dan melibatkan kaedah berbentuk deskriptif bertujuan bagi mengumpulkan maklumat terperinci dan mengkaji tentang pengamalan etika kerja Islam dalam kalangan pelajar. Hasil kajian turut mendapati bahawa terdapatnya nilai etika kerja Islam yang diamalkan serta pengamalan nilai etika kerja Islam dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) berada pada tahap yang tinggi..

### **KATA KUNCI**

etika, etika kerja Islam, nilai etika kerja Islam

### **PENGENALAN**

Etika kerja Islam pula merupakan satu elemen yang penting di dalam pentadbiran organisasi. Kecemerlangan dan kemajuan organisasi terletak pada tenaga kerja yang berada di dalam sebuah organisasi dengan kesedaran mereka terhadap etika, sahsiah dan kepimpinan yang baik. Nilai-nilai murni tersebut perlu bagi mengelakkan daripada berlakunya kejadian atau gejala buruk serta kemunduran dalam pentadbiran seperti pecah amanah, rasuah, penyelewengan harta, penipuan, kelembapan pentadbiran dan pengurusan dan sebagainya Mohamed Noh et. al (2014). Organisasi yang beretika adalah organisasi yang mempunyai nilai-nilai dan etika yang

kukuh, menghidupkan etika-etika tersebut dan mengamalkannya serta mempunyai pemimpin yang amanah dan berintegriti (Mohamed Noh et. al, 2014).

Dalam pendekatan untuk membina, dan melahirkan mahasiswa dan manusia yang berwibawa, aspek perubahan dan pembangunan insan yang membawa kepada ketamadunan hendaklah berlandaskan system nilai dan etika yang baik serta bermanfaat (Abbas, 2013). Bagi mencapai hasrat dan matlamat tersebut, cabaran utama ialah menerapkan nilai-nilai yang akan membentuk lalu menghasilkan karakter dan sahsiah pelajar yang unggul. Ini adalah kerana pelajar-pelajar ini akan mewarisi kepimpinan pada masa hadapan. Menyedari bahawa perancangan untuk melahirkan generasi dengan sifat keunggulan adalah menjadi tanggungjawab yang berat, usaha ini harus dilaksanakan secara istiqamah dengan penggembengan tenaga dan komitmen yang jitu daripada semua pihak terutamanya institusi pendidikan yang mendidik pelajar secara formal (Omar, 2005).

Menurut Mohd Jomuin (2013) permasalahan etika dan moral merupakan cabaran yang sangat besar dalam menentukan hala tuju sahsiah graduan lepasan IPT. Pencapaian yang hanya cemerlang di dalam pengajian oleh para graduan IPT tidak akan memberi sebarang makna sekiranya para graduan tidak berakhlak dari segi moral. Selain itu juga, dapatan kajian menunjukkan bahawa penuntut atau mahasiswa di pengajian tinggi cenderung bersikap toleran terhadap tingkah laku devian atau tingkah laku yang menyimpang di tempat kerja (Abbas, 2013). Pelajar merupakan aset penting untuk pembangunan Negara pada masa akan datang. Elemen-elemen beretika, berintegriti dan bertanggungjawab ini dapat disemai melalui penganjuran program dan aktiviti yang berkaitan dengan usaha untuk menambah dan meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan kefahaman (Omar M.N, 2005).

## LITERATUR KAJIAN

### 2.1 Etika Kerja Islam

Konsep etika kerja bukan sahaja diperbahaskan oleh para intelektual Barat, malah para cendekiawan Islam juga tidak ketinggalan. Namun konsep etika kerja Islam (*IWE*) masih baru jika dibandingkan dengan etika kerja protestan (*PWE*) yang lebih lama serta banyak kajian yang telah dilakukan berkaitannya. Ali (1988) menganggap kerja sebagai satu cara manusia dalam memenuhi keperluan hidupnya. Kerjaya juga membolehkan manusia untuk lebih berdikari dan membantu dalam mendapatkan penghormatan, kepuasan dan mengukuhkan keimanan (Ali dan Owaihan, 2008) dalam Mohamed Noh et. al (2015). Kejayaan dan pembangunan dalam sesebuah organisasi bergantung kepada komitmen pekerja dalam menyelesaikan tugas mereka. Organisasi juga dapat mengurangkan masalah sekiranya semua pekerja berdedikasi dan mempunyai etika yang tinggi serta mengelakkan dari cara yang salah dalam mengumpul kekayaan.

Islam melihat kerja bukan sekadar untuk mencari rezeki atau suatu kepuasan tetapi melihat kerja itu sebagai ibadah dan jihad (Mohd Noor, 2013). Bagi memastikan pekerjaan itu boleh dianggap ibadah ia mestilah dikerjakan dengan mengikut kepada syariat Islam dengan tidak melanggar batas-batas yang telah ditetapkan oleh hukum syarak. Hassan (1988) dalam Ahmad (2012) telah menyenaraikan lima karakteristik etika kerja Islam seperti berikut:

1. Setiap pekerjaan dan tugas yang diberikan harus dipenuhi bagi menggapai keredhaan Allah S.W.T.
2. Memikul amanah sebagai khalifah, meliputi segala aspek dalam kehidupan sebagai manusia.
3. Setiap muslim wajib melaksanakan tugas mereka sebagai suatu tuntutan agama serta melaksanakan semua amalan ritual/ ibadah.
4. Setiap pekerja harus patuh, tekun, cekap dan adil dalam memelihara kepentingan awam.
5. Hubungan majikan-pekerja berdasarkan kepada nilai kemanusiaan tanpa mengira bangsa, warna, bahasa dan harta.

## 2.2 Dimensi Etika Kerja Islam

Kajian-kajian lepas yang berkaitan etika kerja Islam adalah berdasarkan empat dimensi yang ditetapkan oleh Ali, A.J dan Al-Owaihian, A. (2008) iaitu usaha, persaingan, ketelusan dan tanggungjawab moral. Kajian ini sedikit sebanyak berbeza kerana ia adalah tapisan dari etika kerja Islam yang dinamakan usaha, kerja berpasukan, kejujuran dan akauntabiliti yang disarankan oleh Kamaludin dan Ab. Manan (2010). Berikut adalah sub-seksyen yang telah diselidiki dalam empat dimensi serta atributnya:

### 2.2.1 Usaha

Usaha sangat dipandang tinggi dalam agama Islam. Islam sangat menggalakkan manusia mencapai skil dan teknologi serta memuji orang-orang yang berusaha mencari nafkah harian seperti di dalam firman S.W.T yang bermaksud:

*"Barangsiapa yang mengerjakan amal shalih, baik laki-laki maupun perempuan dalam keadaan beriman, maka sesungguhnya akan Kami berikan kepadanya kehidupan yang baik dan sesungguhnya akan Kami berikan balasan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan."* (QS. an-Nahl: 97)

### 2.2.2 Kerja Berpasukan

Islam juga turut menggalakkan kerja berpasukan, ini adalah kerana mereka sesama pekerja boleh membantu di antara satu sama lain dalam memenuhi keperluan mereka sama ada di dunia mahupun di akhirat, sebagaimana yang dinyatakan dalam Al-Qur'an, maksudnya iaitu:

*"...Kami telah meninggikan sebahagian mereka atas sebahagian yang lain beberapa darjat, agar sebahagian mereka dapat mempergunakan sebahagian yang lain..."* (QS. az-Zukhruf: 32)

Persaingan dalam kerja berpasukan perlu dilaksanakan dengan adil, jujur serta boleh dicapai melalui pelaksanaan konsep *muawwanah* (bekerjasama), *'adl* (adil) dan *syura* (perbincangan).

### 2.2.3 Kejujuran

Kejujuran bermaksud berkata benar walaupun ia susah untuk dilaksanakan. Dalam erti kata lain, orang yang tidak menyembunyikan apa-apa yang perlu didedahkan (Kamaludin dan Manan, 2010). Jika dia seorang akauntan, maka beliau perlu melaporkan semua urusan niaga yang tepat mengikut langkah-langkah perakaunan dan prosedur (Atikah M.K. 1993 dalam Kamaludin dan Ab. Manan, 2010). Allah menyeru kepada manusia supaya bersikap jujur sebagaimana firman Allah Taala di dalam Al-Qur'an, maksudnya:

*"Hai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah dan hendaklah kamu bersama orang-orang yang benar."*(QS at-Taubah:119).

### 2.2.4 Akauntabiliti

Menurut Mohamed et. al (2015), akauntabiliti ialah seseorang individu yang memikul tugas hendaklah melaksanakannya dengan sebaik mungkin dan perlu menjawab terhadap sebarang permasalahan yang timbul kesan dari pelaksanaan tugas tersebut. Menurut Islam, konsep akauntabiliti merupakan suatu amanah yang wajib dipikul oleh setiap individu dan akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT segala tindakannya pada hari akhirat kelak. Oleh itu, konsep kebertanggungjawaban ini selari dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Barangsiapa yang mengerjakan kebaikan seberat zarah pun, niscaya Dia akan melihat (balasan)nya. Dan Barangsiapa yang mengerjakan kejahatan sebesar dzarrahpun, niscaya Dia akan melihat (balasan) nya pula."*(QS al-Zalزالah: 7-8)

## 3. Objektif Kajian

Kajian yang akan dijalankan ini berdasarkan kepada objektif-objektif berikut:

- i. Mengenalpasti nilai Etika Kerja Islam yang diamalkan oleh pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP).
- ii. Mengukur tahap pengamalan nilai Etika kerja Islam dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP).

## 4. Hipotesis Kajian

- i. Terdapat nilai etika kerja Islam yang diamalkan oleh pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP)
- ii. Tahap pengamalan nilai Etika kerja Islam dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Pahang adalah tinggi.

## 5. Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian yang akan digunakan dalam kajian ini adalah melalui kaedah kuantitatif ataupun kaedah tinjauan (survey). Set soal selidik akan bertindak sebagai instrument utama bagi kerja-kerja pengumpulan data melalui sampel yang telah dipilih secara rawak mudah bagi mewakili populasi kajian.

Sampel yang diperlukan dalam kajian ini terdiri daripada 30 orang pelajar di Universiti Malaysia Pahang (UMP), kampus Gambang. Setiap soalan-soalan selidik ini mengandungi arahan soalan-soalan tertutup untuk dijawab oleh responden-responden yang terlibat dalam kajian ini. Semua maklumat dan data yang diperolehi akan diklasifikasikan mengikut aspek yang telah ditentukan dan dianalisis secara kuantitatif.

Secara spesifik, instrument kajian terbahagi kepada dua bahagian, di mana dua bahagian berpusatkan kepada nilai-nilai etika Kerja Islam yang dipraktikkan serta satu soalan daripada demografi responden. Data dikumpulkan dan dianalisis menggunakan aplikasi SPSS Statistik dan melibatkan kaedah berbentuk deskriptif bertujuan bagi mengumpulkan maklumat terperinci dan mengkaji tentang pengamalan etika kerja Islam dalam kalangan pelajar.

## 6. Dapatan Kajian

### 6.1 Profil Sampel Kajian

Berdasarkan jadual 1 menunjukkan bahawa bilangan pelajar perempuan lebih ramai jika dibandingkan dengan pelajar lelaki dalam kajian ini. Pelajar lelaki seramai 12 orang (40%) diikuti dengan pelajar perempuan seramai 18 orang (60%). Sementara itu, pelajar berbangsa Melayu merupakan majoriti mewakili responden dalam kajian ini, iaitu seramai 24 orang (80%), diikuti India iaitu 3 orang (10%), Cina iaitu 2 orang (6.7%) dan lain-lain 1 orang (3.3%). Apabila komposisi bangsa Melayu mendominasi kekerapannya, maka sudah tentu ia berkaitan rapat dengan agama Islam. Dari segi agama juga dapat dilihat bahawa, Islam merupakan agama majoriti iaitu seramai 24 orang (80%), Hindu 3 orang (10%), Cina 2 orang (6.7%) dan lain-lain (3.3%).

Selain itu, pelajar dari Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian paling banyak mendominasi iaitu seramai 7 orang (23.3%), pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli dan Fakulti Pengurusan Industri mengumpul kekerapan dan peratusan yang sama iaitu 6 orang (20%), begitu juga dengan Fakulti Sains dan Teknologi Perindustrian dan Fakulti Pengurusan Industri iaitu 4 orang (13.3%), dan 1 orang (3.3%) dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik. Sementara itu, bilangan tahun pengajian yang mewakili responden didapati majoriti adalah tahun 1 iaitu 21 orang (70%), seterusnya tahun 3 seramai 6 orang (20%), tahun 4 seramai 2 orang (6.7%) serta tahun 2 seramai 1 orang (3.3%).

Jadual 1 juga turut menunjukkan persatuan/ kolej/ kelab telah didominasi oleh kelab In-Smartive iaitu seramai 6 orang (20%). Seterusnya kelab UMP Cycling Team seramai 3 orang (10%), kelab Enactus, Penyayang dan lain-lain telah berkongsi bilangan pelajar yang sama iaitu 2 orang (6.7%). Manakala kelab Badminton, Bahasa Mandarin, Chest, Ekstrem, kelab Memanah UMP, Pembimbing Rakan Sebaya, Perwakilan Kolej Kediaman 3, Project Management Student Branch (FIM), Protech, Robotech, Scitexs, Sekretariat Siswa Aman Makmur (Ansar), Taekwon-Do ITF serta UMP Shark Rugby berkongsi bilangan pelajar yang sama iaitu 1 orang (3.3%). Sehubungan itu, seramai 28 orang (93.3%) yang mewakili lain-lain jawatan yang disandang iaitu sebagai ahli

jawatan kuasa serta ahli aktif. Seterusnya setiausaha dan bendahari telah berkongsi bilangan pelajar yang sama iaitu 1 orang (3.3%).

Jadual 1: Profil Responden

Kategori		Kekerapan	Peratus(%)
<b>Jantina</b>	Lelaki	12	40
	Perempuan	18	60
<b>Bangsa</b>	Melayu	24	80
	Cina	2	6.7
	India	3	10
	Lain-lain	1	3.3
<b>Agama</b>	Islam	24	80
	Buddha	2	6.7
	Hindu	3	10
	Lain-lain	1	3.3
<b>Fakulti</b>	Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam	2	6.7
	Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli	6	20
	Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	1	3.3
	Fakulti Sains dan Teknologi Perindustrian	4	13.3
	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan	0	0
	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	0	0
	Fakulti Teknologi Kejuruteraan	4	13.3
	Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian	7	23.3
	Fakulti Pengurusan Industri	6	20
<b>Tahun Pengajian</b>	Tahun 1	21	70
	Tahun 2	1	3.3
	Tahun 3	6	20
	Tahun 4	2	6.7
<b>Persatuan/ kelab/kolej</b>	Badminton	1	3.3
	Bahasa Mandarin	1	3.3
	Chest	1	3.3
	Ekstrem	1	3.3
	Enactus	2	6.7
	In-Smartive	6	20
	Janpu	1	3.3
	Memamah UMP	1	3.3
	Pembimbing Rakan Sebaya	1	3.3
	Penyayang	2	6.7
	Perwakilan Kolej Kediaman 3	1	3.3
	Project Management Student Branch (FIM)	1	3.3
	Protech	1	3.3
	Robotech	1	3.3
	Scitexs	1	3.3
	Sekretariat Siswa Aman Makmur( Ansar)	1	3.3
	Taekwon-Do ITF	1	3.3
	UMP Cycling Team	3	10
	UMP Shark Rugby	1	3.3

	Lain-lain	2	6.7
<b>Jawatan yang disandang</b>	Yang Dipertua	0	0
	Naib Yang Dipertua	0	0
	Setiausaha	1	3.3
	Bendahari	1	3.3
	Lain-lain	28	93.3

## 6.2 Keputusan Ujian Kebolehpercayaan

Jadual 2 menunjukkan analisis kebolehpercayaan bagi setiap konstruk dan kesemua nilai pekali kebolehpercayaan bagi setiap konstruk melebihi nilai yang dicadangkan oleh Chua Yan Piaw (2006). Oleh yang demikian, setiap konstruk dalam kajian ini dikatakan mempunyai pekali kebolehpercayaan yang tinggi dan baik.

Jadual 2: Keputusan Ujian Kebolehpercayaan

Item	Kebolehpercayaan Alpha
<b>Usaha</b>	0.813
<b>Kerja Berpasukan</b>	0.856
<b>Kejujuran</b>	0.878
<b>Akauntabiliti</b>	0.899
<b>Alpha Keseluruhan</b>	<b>0.938</b>

## 6.3 Analisis Persoalan Kajian

Nilai min digunakan untuk menjawab persoalan kajian berkenaan tahap pengamalan nilai Etika kerja Islam dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Pahang. Sebanyak 10 item telah dikemukakan dalam setiap 4 nilai etika kerja Islam yang utama iaitu nilai usaha, kerja berpasukan, kejujuran dan akauntabiliti. 4 bahagian ini juga telah merungkai persoalan pengamalan etika kerja Islam dalam diri setiap pelajar. Berdasarkan kepada jadual 3 di bawah, hasil kajian menunjukkan terdapatnya nilai etika kerja Islam yang diamalkan dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) serta pengamalan nilai etika kerja Islam dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Pahang juga berada pada tahap yang tinggi dan positif.

Nilai Etika Kerja Islam	Min	Interpretasi
Usaha	4.05	Tinggi
Kerja Berpasukan	4.19	Tinggi
Kejujuran	4.19	Tinggi
Akauntabiliti	4.29	Tinggi

Jadual 3: Statistik Deskriptif Bagi Nilai Etika Kerja Islam

## 7. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, Islam sebagai agama dan ideology yang mendorong serta menggalakkan umatnya untuk bekerja keras namun tidak melupakan aspek ibadah. Islam sebagai agama yang syumul ini juga menekankan aspek etika kerja ini bukan sekadar hanya untuk mencari rezeki malah lebih kepada berdimensi transcendental (rohani) dan fitrah manusia itu sendiri. Selain itu juga, nilai-nilai yang wujud di dalam etika kerja Islam penting dalam pengurusan organisasi dalam pendekatan untuk membina, dan melahirkan mahasiswa dan manusia yang berwibawa, aspek perubahan dan pembangunan insan yang membawa kepada ketamadunan hendaklah berlandaskan system nilai dan etika yang baik serta bermanfaat (Abbas, 2013). Bagi mencapai hasrat dan matlamat tersebut, cabaran utama ialah menerapkan nilai-nilai yang akan membentuk lalu menghasilkan karakter dan sahsiah pelajar yang unggul. Melalui pelaksanaan nilai dan etika kerja Islam ini semestinya akan memberi kesan yang baik kepada pemimpin dan organisasi iaitu kurangnya masalah kepada amalan pentadbiran seperti menurunnya masalah seperti ketidaktelusan, pengabaian pekerja, penyalahgunaan kuasa, kurang integriti dan juga dapat mengelakkan berlaku gejala sosial. Ia juga membawa kepada kepada penerapan nilai dan etika yang tidak mengasingkan nilai-nilai dan etika asas dalam Islam antaranya adil, amanah, jujur, ihsan dan sebagainya dalam amalan atau pelaksanaan pentadbirannya (Mohd Noh, Basir dan Wan Hussin, 2014).

## REFERENCES

- Abbas, R. 2013. *Pembangunan Akhlak dalam Kalangan Pelajar Institusi PengajianTinggi Awam di Malaysia Menerusi Penerapan Kemahiran Insaniah*. Phd. Thesis. Universiti Malaya.
- Ahmad S. dan Owoyemi M.Y. 2012. The Concept of Islamic Work Ethic: An Analysis of Some Salient Points in the Prophetic Tradition. *International Journal of Business and Social Science*. **03**(20):116-123
- Ali A.J. 1988. Scaling an Islamic Work Ethics. *Journal of Social Psychology*. 128,5:575-583.



- Ali, A.J. dan Al-Owaihah, A. 2008. Islamic Work Ethic: a Critical Review. *Cross Cultural Management: An International Journal*. **15**(01): 5-19.
- Chua, Y.P. 2006. *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Malaysia: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Kamaluddin N. dan Ab. Manan S.K. 2010. The Conceptual Framework of Islamic Work Ethic (IWE). *Malaysian Accounting Review*. **09**(20):57-70.
- Mohd Jomuin, N. 2013. *Etika dan Moral Profesional dalam Kalangan Pelajar Sarjana yang Telah Menjalani Program Latihan Mengajar*. Sarjana. Thesis. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mohamed H.A.B., Ab. Ghani A.M. dan Basir S. A. 2015. Nilai-Nilai Sistem Pengurusan Kualiti Islam Berasaskan Al-Quran dan Integrasi Ilmu Sainifik. *Jurnal Syariah* 23(01) 25-52.
- Mohamed Noh, M. M., Basir S.A., dan Wan Hussin W.N. 2014. Strategi dan Faktor Mempengaruhi Pelaksanaan Etika Kerja Islam (EKI): Kajian Kes di JCorp. *Gjat*, ISSN 2232-0474. Volume 4, **01**(97).
- Mohamed Noh, M.M., Basir S.A., Taib L., dan Amadun M. 2015. Kajian Kes Pelaksanaan Etika Kerja Islam (EKI) di Johor Corporation (JCorp): Tumpuan kepada Pelaksanaan dan Faedahny. *Jurnal Pengurusan* 45. ISSN 0127-2713 Scopus, Cabell and MyCite Indexes.
- Mohd Noor, K. 2013. *Islamic Work Ethics*. Nilai.
- Omar, M.N, 2005. *Akhlaq dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur:Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2005.